



CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H)

**Program Pelan Bayaran Flexi-i CIMB Islamic  
Terma-Terma dan Syarat-Syarat setakat 24 Ogos 2024**

**Program Pelan Bayaran Flexi-i**

1. Pelan Bayaran Flexi-i CIMB ("Program") adalah disediakan kepada Pemegang Kad utama Layak ("Pemegang Kad Layak") CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] ("Bank") untuk menukar transaksi kad kredit kepada pelan ansuran bulanan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini dan dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad semasa.
2. Untuk menyertai Program ini, Pemegang Kad Layak boleh memohon melalui salah satu saluran berikut:
  - a. Jemputan SMS yang diterima daripada Bank; atau
  - b. Mohon melalui aplikasi CIMB OCTO.
3. Pemegang kad CIMB Bank Berhad, Kad Perniagaan Platinum CIMB dan Kad Kredit Merchant CIMB (kad yang dikeluarkan oleh Bank dengan logo atau nama dan/atau tanda dagangan lain peniaga dan/atau organisasi yang bekerjasama dengan CIMB Bank yang dicetak padanya) adalah tidak layak untuk menyertai Program.
4. Program membenarkan Pemegang Kad Layak untuk menukar semua atau sebahagian daripada Transaksi Runcit Layak mereka (seperti yang ditakrifkan di dalam Klausus 5 di bawah) kepada suatu pelan ansuran bulanan ("Pelan Bayaran Flexi-i") di mana jumlah ditukarkan ("Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i") adalah dibayar bersama dengan caj kemudahan perlu dibayar yang terpakai ("Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pelan Bayaran Flexi-i") dalam ansuran bulanan bagi suatu tempoh bayaran terpilih /pra-ditentukan dalam 6, 12 atau 24 bulan ("Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i").
5. Hanya transaksi runcit yang memenuhi kriteria berikut boleh ditukar di bawah Program:
  - (i) dicaj kepada kad kredit CIMB Islamic Bank Pemegang Kad Layak termasuk Kad Kredit Tambahan;
  - (ii) tidak kurang daripada Ringgit Malaysia lima ratus (RM500) bagi setiap satu transaksi;
  - (iii) boleh termasuk transaksi tempatan dan luar negara, transaksi dalam talian, bayaran bil;
  - (iv) tidak termasuk transaksi tunai dan berdasarkan tunai, jumlah ansuran yang perlu dibayar di bawah program Bank yang lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada CashLite-i, Penukaran Baki-i, Penukaran Baki Auto-i), fi tahunan, cukai perkhidmatan, jumlah tertunggak lampau dan apa-apa caj kemudahan/fi/caj pampasan lain yang dicaj oleh Bank di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad; dan
  - (v) berjaya dimasukkan di dalam sistem Bank

(selepas ini ditakrifkan sebagai "Transaksi Runcit Layak").

6. Transaksi Runcit Layak bagi Kad Kredit Tambahan juga boleh ditukar di bawah Program jika persetujuan Pemegang Kad Layak diperoleh melalui sistem pesanan ringkas ("SMS") menurut jemputan SMS yang diterima daripada Bank.

**Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i**

7. Jumlah minimum Transaksi Runcit Layak yang boleh ditukarkan di bawah Program adalah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk setiap transaksi individu dan jumlah maksimum adalah tertakluk kepada baki runcit tertunggak dan had kad kredit sedia ada Pemegang Kad Layak.

8. Permohonan Pemegang Kad Layak di bawah Program melalui balasan SMS atau Aplikasi CIMB OCTO akan dianggap sebagai tawaran Pemegang Kad Layak untuk menyertai Program pada Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i, Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pelan Bayaran Flexi-i, Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 14) dan Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i yang dinyatakan dalam SMS daripada Bank atau seperti yang dipilih oleh Pemegang Kad Layak dalam Aplikasi CIMB OCTO.
9. Bank akan dianggap telah menerima tawaran Pemegang Kad Layak apabila Bank memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak secara bertulis, melalui telefon atau secara elektronik berkenaan Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i, Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i, Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i dan Kadar Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pelan Bayaran Flexi-i yang diluluskan.
10. Bank mempunyai budi bicara untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan oleh Pemegang Kad Layak untuk menukar Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i, Kadar Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pelan Bayaran Flexi-i, Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i dan/atau Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i.
11. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan di antara apa yang dipohon oleh Pemegang Kad Layak dan apa yang telah diluluskan oleh Bank berkenaan mana-mana atau semua yang berikut, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan kekal sah dan boleh dikuatkuasakan:
  - a) Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i
  - b) Kadar Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pelan Bayaran Flexi-i
  - c) Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i; atau
  - d) Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i.
12. Pemegang Kad Layak boleh memohon kepada Bank untuk meluluskan lebih daripada satu Pelan Bayaran Flexi-i, tertakluk kepada setiap permohonan yang layak mengikut terma-terma dan syarat-syarat ini.

**Akaun**

13. Sebaik sahaja diluluskan oleh Bank, Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i akan ditukarkan kepada suatu pelan ansuran bulanan tetap.
14. Penyata kad kredit akaun kad kredit Pemegang Kad Layak ("Akaun") akan menyatakan ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk Pelan Bayaran Flexi-i ("**Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i**") bersama dengan pecahan bahagian prinsipal ("**Bayaran Prinsipal Bulanan**") dan bahagian caj kemudahan ("**Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan**") Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i.
15. Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i dikira dalam kaedah yang dinyatakan seperti contoh di bawah. Jumlah yang perlu dibayar di bawah Akaun setiap bulan akan menjadi jumlah gabungan Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i dan apa-apa bayaran yang tertunggak pada baki kad kredit.

Contoh:

---



CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H)

Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i	RM10,000
Tempoh	12 bulan
Kadar Rata	9.88% setahun
Kadar Efektif	17.76% setahun
Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i	RM915.67*
Jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM988.00
Jumlah Prinsipal & Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM10,988.00

Bulan	Jumlah Prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i Tertunggak (RM)	Bayaran Prinsipal Bulanan (RM)	Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (RM)	Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i (RM)
1	10,000.00	763.67	152.00	915.67
2	9,236.33	776.33	139.33	915.67
3	8,460.00	789.00	126.67	915.67
4	7,671.00	801.67	114.00	915.67
5	6,869.33	814.33	101.33	915.67
6	6,055.00	827.00	88.67	915.67
7	5,228.00	839.67	76.00	915.67
8	4,388.33	852.33	63.33	915.67
9	3,536.00	865.00	50.67	915.67
10	2,671.00	877.67	38.00	915.67
11	1,793.33	890.33	25.33	915.67
12	903.00	903.00	12.67	915.67
<b>Jumlah</b>	<b>10,000.00</b>	<b>988.00</b>		<b>10,988.00</b>

\* Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan penggenapan jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar/prinsipal

16. Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i akan dibilang kepada Akaun Pemegang Kad Layak pada tarikh Penyata Kad Kredit berikutnya selepas Bank meluluskan permohonan Pemegang Kad Layak.
17. Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i mestilah dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran jika tidak Ta'widh (pampasan) sebanyak 1% ke atas baki Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak (tertakluk kepada minimum RM 10.00 dan maksimum RM100.00) akan dikenakan. Caj Pampasan adalah ganti rugi jumlah tertentu (bukan penalti), tetapi tidak akan dikompaunkan, dan perlu dibayar sebelum dan selepas mana-mana perintah atau penghakiman mahkamah.
18. Sekiranya terdapat pertikaian yang berbangkit daripada transaksi runcit yang merupakan Transaksi Runcit Layak selepas ia ditukar kepada Program, Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i akan kekal sama. Pertikaian sebelum kelulusan Bank untuk Program boleh walau bagaimanapun mengakibatkan penolakan permohonan Pelan Bayaran Flexi-i. Selepas sepuluh (10) hari kalendar dari tarikh kelulusan permohonan Pelan Bayaran Flexi-i dan penukaran Transaksi Runcit Layak di bawah Program, sebarang pertikaian yang timbul berhubung dengan Transaksi Runcit Layak tidak boleh mengakibatkan perubahan dalam Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i berdasarkan budi bicara Bank yang munasabah. Sebarang pertikaian yang timbul berkaitan dengan Transaksi Runcit Layak sebelum kelulusan

Bank terhadap permohonan Pemegang Kad Layak atau tawaran untuk menyertai Program boleh mengakibatkan permohonan Pelan Bayaran Flexi-i ditolak.

19. Jumlah Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i adalah tetap. Sebarang pra-bayaran atau bayaran lebihan tidak akan dengan segera mengurangkan jumlah prinsipal tertunggak atau Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i yang berikutnya dan hanya akan dianggap oleh Bank sebagai bayaran pendahuluan Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i masa depan.

#### **Caj Kemudahan Perlu Dibayar**

20. Bank akan memberi rebat dan mengenakan caj kemudahan perlu dibayar pada kadar yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk CIMB Islamic yang dikeluarkan untuk Program ini ke atas semua wang belum dibayar yang tertunggak dan masih belum dibayar kepada Bank di bawah Program selepas tarikh matangnya yang berkaitan dikira atas dasar baki harian. Caj kemudahan perlu dibayar tersebut akan dikenakan ke Akaun Pemegang Kad dan dikira dari tarikh pengeposan dalam penyata kad kredit sehingga bayaran penuh diterima. Caj kemudahan perlu dibayar terakru tersebut akan perlu dibayar sepenuhnya pada tarikh matang bagi bayaran seterusnya yang dinyatakan dalam penyata kad kredit.

#### **Had Kredit**

21. Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i yang diluluskan akan menjadi sebahagian daripada jumlah had kredit kesemua akaun kad kredit Pemegang Kad Layak, termasuk akaun kad kredit tambahannya.
22. Had kad kredit sedia ada akan dipulihkan secara progresif (dengan jumlah bahagian prinsipal yang telah dibayar) dan disediakan untuk penggunaan Pemegang Kad Layak apabila dan semasa setiap Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i diterima oleh Bank.

#### **Tiada Mata Bonus atau Rebat Tunai**

23. Tiada mata bonus atau rebat tunai akan diberikan berkaitan dengan Program.

#### **Pembatalan & Bayaran Penuh**

24. Untuk apa-apa pembatalan atau penyelesaian awal sebelum penamatan Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i, Pemegang Kad Layak mestilah memberi kepada Bank notis terdahulu tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kalender dengan menghubungi dan memberitahu Pusat Panggilan Pengguna Bank.
25. Jika terdapat pembatalan, penamatan atau penyelesaian awal Program sebelum penamatan Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i:
  - a) bahagian caj kemudahan perlu dibayar pro-rata atas Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan ("Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata") akan dikenakan; dan
  - b) Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata bersama-sama dengan sebarang Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i, caj kemudahan, caj pampasan yang tertunggak, jika ada, dan jumlah keseluruhan prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak mestilah dibayar oleh Pemegang Kad Layak atas pembatalan, penamatan atau penyelesaian awal untuk Program ini, dan ini akan dicerminkan dalam penyata kad kredit bulanan berikutnya. Untuk kejelasan, sila rujuk kepada Contoh 1 dan Contoh 2 di bawah.

Contoh 1: Penyelesaian awal **sebelum** Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i Pertama dibilkan

Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i	RM10,000.00
Tempoh	12 bulan
Kadar Rata	9.88% setahun
Kadar Efektif	17.76% setahun
Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i	RM915.67*
Jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM988.00
Jumlah Prinsipal & Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM10,988.00
Tarikh Kelulusan Pelan Bayaran Flexi-i	1 Jun 2024
Tarikh Pembatalan Pelan Bayaran Flexi-i	14 Jun 2024
Tarikh Penyata Pemegang Kad	Hari ke-20 dalam sebulan

Bulan	Jumlah Prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i Tertunggak (RM)	Bayaran Prinsipal Bulanan (RM)	Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (RM)	Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i (RM)
1	10,000.00	763.67	152.00	915.67
2	9,236.33	776.33	139.33	915.67
3	8,460.00	789.00	126.67	915.67
4	7,671.00	801.67	114.00	915.67
5	6,869.33	814.33	101.33	915.67
6	6,055.00	827.00	88.67	915.67
7	5,228.00	839.67	76.00	915.67
8	4,388.33	852.33	63.33	915.67
9	3,536.00	865.00	50.67	915.67
10	2,671.00	877.67	38.00	915.67
11	1,793.33	890.33	25.33	915.67
12	903.00	903.00	12.67	915.67
<b>Jumlah</b>		<b>10,000.00</b>	<b>988.00</b>	<b>10,988.00</b>

\* Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan penggenapan jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar /prinsipal.

Berdasarkan contoh di atas, jika Pemegang Kad Layak memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pada 14 Jun 2024 iaitu sebelum pembayaran Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i pertama iaitu sebelum bil penyata kad kredit Pemegang Kad Layak pada 20 Jun 2024, Pemegang Kad Layak akan dikehendaki membayar jumlah prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak sebanyak RM10,000 dan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata berjumlah RM70.93.

Pengiraan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata Program ini adalah seperti yang digambarkan di bawah:

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan untuk Bulan 1 adalah RM152.00



CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H)

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata =

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (untuk bulan yang mana penyelesaian awal dibuat) x bilangan hari dari tarikh kelulusan Pelan Bayaran Flexi-i ke tarikh penyelesaian awal Pelan Bayaran Flexi-i /bilangan hari dalam bulan tersebut

$$= 15 \times 14/30$$

$$= \text{RM}70.93$$

Pemegang Kad Layak adalah dikehendaki untuk membayar jumlah keseluruhan prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak sebanyak RM 10,000.00 + RM 70.93 + sebarang caj kemudahan + caj pampasan jika ada, mengikut Klausus 25.

Contoh 2: Penyelesaian awal ***selepas*** Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i Pertama dibilikan

Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i	RM10,000.00
Tempoh	12 bulan
Kadar Rata	9.88% setahun
Kadar Efektif	17.76% setahun
Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i	RM915.67*
Jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM988.00
Jumlah Prinsipal & Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM10,988.00
Tarikh Kelulusan Pelan Bayaran Flexi-i	1 Jan 2024
Tarikh Pembatalan Pelan Bayaran Flexi-i	14 Jun 2024
Tarikh Penyata Kad Kredit Pemegang Kad Layak	Hari ke-20 dalam sebulan

Bulan	Jumlah Prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i Tertunggak (RM)	Bayaran Prinsipal Bulanan (RM)	Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (RM)	Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i (RM)
1	10,000.00	763.67	152.00	915.67
2	9,236.33	776.33	139.33	915.67
3	8,460.00	789.00	126.67	915.67
4	7,671.00	801.67	114.00	915.67
5	6,869.33	814.33	101.33	915.67
6	6,055.00	827.00	88.67	915.67
7	5,228.00	839.67	76.00	915.67
8	4,388.33	852.33	63.33	915.67
9	3,536.00	865.00	50.67	915.67
10	2,671.00	877.67	38.00	915.67
11	1,793.33	890.33	25.33	915.67
12	903.00	903.00	12.67	915.67
<b>Jumlah</b>	<b>10,000.00</b>	<b>988.00</b>		<b>10,988.00</b>

\* Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan penggenapan jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar /prinsipal.



CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H)

Berdasarkan contoh di atas, jika Pemegang Kad Layak memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pada 14 Jun 2024 iaitu selepas pembayaran Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i ke-5 iaitu selepas bil penyata kad kredit Pemegang Kad Layak pada 20 Mei 2024, Pemegang Kad Layak akan dikehendaki membayar jumlah prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak sebanyak RM6,055.00 dan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata berjumlah RM71.51.

Pengiraan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata Program ini adalah seperti yang digambarkan di bawah:

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan untuk Bulan 6 adalah RM88.67

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata =

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan<sup>1</sup> x bilangan hari dari tarikh kitaran penyata<sup>2</sup> sehingga tarikh penyelesaian awal/ bilangan hari bulan kitaran penyata terakhir

$$\begin{aligned} &= 88.67 \times 25 / 31 \\ &= \text{RM}71.51 \end{aligned}$$

Nota:

<sup>1</sup> Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan bagi bulan yang mana penyelesaian awal dilakukan.

<sup>2</sup>Tarikh penyata terakhir sebelum penyelesaian awal dilakukan.

Pemegang Kad Layak adalah dikehendaki untuk membayar jumlah keseluruhan prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak sebanyak RM 6,055.00 + RM 71.51 + sebarang Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak yang belum dibayar + caj kemudahan + caj pampasan jika ada, mengikut Klausa 25.

26. Dalam keadaan di mana Pemegang Kad Layak tidak bersetuju dengan terma-terma Pelan Bayaran Flexi-i yang diluluskan atau mempertikaikan mana-mana Transaksi Runcit Layak yang telah ditukar di bawah Program, Pemegang Kad Layak dikehendaki untuk menghubungi Bank supaya membatalkan Pelan Bayaran Flexi-i dalam sepuluh (10) hari kalender dari tarikh kelulusan Pelan Bayaran Flexi-i.

#### **Permohonan melalui Saluran yang Ditetapkan**

27. Sebaik sahaja tawaran Pemegang Kad Layak untuk menyertai Program diterima dan diluluskan oleh Bank, Pemegang Kad Layak tidak akan dapat mengubah/meminda Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i, Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i, Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pelan Bayaran Flexi-i dan/atau Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i.

#### **Notifikasi Status Permohonan**

28. Sekiranya suatu permohonan telah diluluskan, satu notifikasi SMS dan/atau surat pemberitahuan akan dihantar kepada Pemegang Kad Layak yang menyatakan Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i, Tempoh Pelan Bayaran Flexi-i, Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i dan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pelan Bayaran Flexi-i.
29. Di mana permohonan telah ditolak, suatu SMS berkennaan yang sama akan dihantar kepada Pemegang Kad Layak.

**Hak untuk Memutus, Menolak dan Hak untuk Tolakan**

30. Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Program termasuk kelayakan Pemegang Kad Layak, kelulusan dan/atau penolakan permohonan hendaklah menjadi muktamad dan terikat dan tiada rayuan, pertikaian atau surat-menyurat akan dilayan.
31. Jika permohonan Pemegang Kad Layak telah diluluskan lebih awal tetapi Bank kemudiannya mendapati bahawa Pemegang Kad Layak telah terlebih dahulu melanggar terma dan syarat ini dan/atau Terma-Terma & Syarat-Syarat Pemegang Kad atau dia tidak mempunyai had kredit yang mencukupi di bawah Akaun, Bank akan berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Program dengan memberikan notis awal tujuh (7) hari kalender kepada Pemegang Kad Layak. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan Pemegang Kad Layak akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
32. Bank boleh menolak apa-apa baki kredit dalam mana-mana akaun Pemegang Kad Layak yang dikekalkan dengan Bank terhadap sebarang baki tertunggak dalam Akaun dengan memberikan kepada Pemegang Kad Layak notis terdahulu tujuh (7) hari kalender. Sebaik sahaja notis dikeluarkan, Bank boleh secara serentak memperuntukkan (membekukan) sebarang dana yang sedia ada dalam akaun Pemegang Kad Layak terhadap baki tertunggak dalam Akaun.

**Peristiwa Ingkar**

33. Jika Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi tidak dibayar selama tiga (3) bulan berturut-turut, Bank boleh menamatkan Program yang disediakan kepada Pemegang Kad Layak dengan memberikan notis awal tujuh (7) hari kalender dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan Pemegang Kad Layak akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank.
34. Selepas penamatan Program oleh Bank, jumlah keseluruhan Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak, jumlah prinsipal bagi Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i yang belum dibilikan bersama dengan Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang terpakai, caj kemudahan terakru, caj pampasan dan baki semua wang lain yang terhutang akan menjadi tertunggak dan perlu dibayar dengan serta-merta.
35. Tambahannya, jika Pemegang Kad Layak memungkiri mana-mana terma dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau terma-terma dan syarat-syarat ini atau jika Kad dibatalkan, semua Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak dan jumlah prinsipal bagi Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i yang belum dibilikan bersama dengan Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang terpakai, caj kemudahan terakru, caj pampasan dan baki semua wang lain yang terhutang juga akan menjadi tertunggak dan perlu dibayar dengan serta-merta.

**Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

36. Dengan memohon dan/atau menyertai Program, Pemegang Kad Layak bersetuju dan mengakui bahawa mereka dikehendaki membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat ini, mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya, dan telah bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat ini.
37. Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambah kepada, memadam daripada atau sebaliknya memindah ("Pindaan") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberikan kepada Pemegang Kad Layak notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum Pindaan dikuatkuasakan. Notis

dan/atau komunikasi kepada Pemegang Kad Layak boleh diberikan dengan cara yang sama seperti notis diberikan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.

38. Terma-terma dan syarat-syarat di sini akan ditadbir oleh dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
39. Terma-terma dan syarat-syarat di sini adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa prejudis kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat Pemegang Kad. Dalam keadaan di mana terdapat sebarang percanggahan atau konflik antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan Terma-Terma & Syarat-Syarat Pemegang Kad, terma-terma dan syarat-syarat ini akan diguna pakai berkenaan dengan Program.
40. Perkataan yang digunakan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, jika tidak ditakrifkan secara khusus, hendaklah mempunyai makna yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Terma-Terma & Syarat-Syarat Pemegang Kad.
41. Bank tidak akan bertanggungjawab jika ia tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipannya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini atau berkaitan dengan Program disebabkan oleh apa-apa bencana alam ("act of God"), perperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk ("lockout"), penutupan ("lockdown"), tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa peristiwa di luar kawalan munasabah Bank.
42. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau ganti rugi dalam apa jua sifat termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) walau bagaimanapun timbul dan tidak kira sesiapa yang mengalami kerugian atau ganti rugi melainkan perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh keingkaran sengaja atau kecuaian melampau Bank.
43. Untuk sebarang bantuan atau pertanyaan, Pemegang Kad Layak boleh menghubungi Bank di:-

<b>Unit Resolusi Pelanggan</b>	
Alamat:	CIMB Islamic Bank Berhad Unit Resolusi Pelanggan (CRU) Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan
Tel:	603-6204 7788
E-mel:	contactus@cimb.com

44. Pemegang Kad Layak boleh menghubungi yang berikut:
  - i. untuk pembetulan

<b>Agenzi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)</b>	
Alamat:	Tingkat 5 dan 6 Menara Bumiputra Commerce Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur
Tel:	603-2616 7766
Laman web:	<a href="http://www.akpk.org.my">www.akpk.org.my</a>

- ii. untuk aduan

<b>Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK</b>
--



CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H)

Alamat:	Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
Tel:	1-300-88-5465
Faks:	603-2174 1515
E-mel:	<a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>

---